



SIARAN AKHBAR

LAWATAN KEDUA

SESI LAWATAN YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA KE TAPAK-TAPAK PERUSAHAAN PERTANIAN, PERIKANAN DAN PELANCONGAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN DI DAERAH TEMBURONG

Temburong. Isnin, 27 Januari 2020M. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hari ini melawat ke beberapa lokasi tapak-tapak perusahaan pertanian, perikanan dan pelancongan di Daerah Temburong, iaitu sebagai lanjutan dari siri lawatan yang telah diadakan pada hari Khamis, 23 Januari 2020 yang lalu. Lawatan hari ini merupakan siri lawatan yang kedua yang telah diatur oleh pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, yang bertujuan bagi mengongsikan dan seterusnya memberikan kefahaman serta memberigakan mengenai dengan perkembangan dan pencapaian terkini aktiviti-aktiviti atau kegiatan-kegiatan perusahaan yang berkaitan dengan industri pertanian, perikanan dan pelancongan di Daerah Temburong. Program lawatan kerja ini juga diatitkan bagi memberikan pendedahan kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara mengenai dengan penglibatan anak-anak tempatan dengan perusahaan pertanian, perikanan dan pelancongan sebagai pemilik secara persendirian ataupun usahasama (*joint-venture*) dengan pengusaha-pengusaha asing; dan juga peluang-peluang pekerjaan yang disediakan kepada anak-anak tempatan.

Seramai 16 orang rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara telah menyertai program lawatan ini, yang mana disertai sama oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dan Yang Mulia Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd Ishak, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut menyertai lawatan tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Mulia Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Yang Mulia Pemangku Pengarah Perikanan serta beberapa orang pegawai kanan dari Kementerian dan Jabatan-Jabatan di dalamnya.



Ladang pertama yang dilawat oleh rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara adalah ladang yang diusahakan oleh Syarikat **O.D.E Aquaculture & Agriculture Co.** yang terletak di Lot 4, 5, 13, 17 dan 18b di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Labu Estate dengan keluasan 27 hektar. Syarikat yang mula bergiat pada tahun 2018 ini diurus oleh Haji Awang Azahari bin Haji Chuchu bagi menjalankan perusahaan tanaman buah-buahan dan tanaman kontan (tanaman sampingan). Syarikat ini mulanya ditawarkan tapak seluas 5 hektar di bawah projek rintis dan seterusnya diberikan tapak tambahan seluas 22 hektar di bawah program *expansion* pertanian bagi mengembangluaskan lagi aktiviti perladangan syarikat berkenaan. Pada masa ini, syarikat mempunyai seramai 4 orang pekerja warga asing.

Dari Syarikat O.D.E Aquaculture & Agriculture Co., lawatan diteruskan ke ladang penanaman padi yang diusahakan oleh **Perusahaan Kemikit** di KKP Lekiu. Syarikat yang diurus oleh Awang Usop bin Kaling beroperasi di atas tapak seluas 6 hektar dan telahpun bergiat sejak tahun 1980an dengan menanam padi paya varieti tempatan. Sistem pengairan di kawasan penanaman padi di KKP Lekiu ini masih lagi bergantung sepenuhnya kepada turunan air hujan, dan kadar penghasilan padi secara purata lebih kurang 1.5 tan metrik sehektar. Pada masa ini, Syarikat mempunyai seramai 2 orang pekerja warga asing.

Rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara seterusnya melawat ke tapak **Syarikat Sinaran Suria** yang terletak di Kampong Batu Apoi. Syarikat ini telah memulakan perusahaan ternakan udang galah dan ikan air tawar (Tilapia, Patin, Duai dan Jelawat) sejak dari tahun 2004 di atas tapak tanah seluas 0.8 hektar. Syarikat ini diurus oleh Awang Teo Soo Seng dan kini memiliki sebanyak 24 buah kolam. Syarikat ini telah berjaya meningkatkan hasil keluaran ladangnya dari sebanyak 1,137 kg pada tahun 2017 kepada 3,013 kg pada tahun 2018. Pada masa ini, Syarikat tersebut miliki seramai 3 orang pekerja yang terdiri dari 2 orang anak tempatan.

Rombongan kemudiannya melawat **Syarikat Eco-Agro Farm** yang terletak di Lot B, KKP Bekarut berkeluasan 10 hektar. Syarikat yang diurus oleh Awang Ang Wee Chin dan Awang Leong Tsee Yung telah ditawarkan tapak ini pada Mac 2019 bagi menjalankan perusahaan tanaman buah-buahan bermusim (durian) dan tidak bermusim (tanaman kontan sebagai sampingan).



Dari Syarikat Eco-Agro Farm, sesi lawatan diteruskan ke **Syarikat Loong Ji (B) Sdn Bhd** yang terletak di KKP Selangan. Syarikat yang diurus oleh Dayang Ramlah binti Haji Kula ini mula bergiat pada tahun 2017 dengan perusahaan tanaman pokok buah-buahan bermusim dan tidak bermusim di atas tapak seluas 30 hektar. Syarikat ini mulanya ditawarkan tapak seluas 10 hektar di bawah projek rintis dan seterusnya diberikan tapak tambahan seluas 20 hektar di bawah program *expansion* pertanian bagi mengembangluaskan lagi aktiviti perladangan syarikat berkenaan. Pada masa ini, Syarikat mempunyai seramai 6 orang pekerja asing.

Dari Syarikat Loong Ji (B) Sdn Bhd, rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara seterusnya melawat ke tapak yang diusahakan oleh pengusaha belia (Dyg Tini binti Ahmad) dari Daerah Temburong melalui **Program Peladang Belia**, iaitu sebuah program kerjasama bersama pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, KSSUP, yang juga terletak di KKP Selangan. Dyg Tini baru sahaja memulakan perusahaan tanaman lada dan pelbagai jenis tanaman lagi pada penghujung tahun 2019 di atas tanah seluas 1 hektar. Disamping itu, terdapat 2 orang belia lagi dari Daerah Temburong juga turut mengusahakan tapak seluas 2 hektar di kawasan tersebut.

Sesi lawatan diakhiri dengan melawat salah satu destinasi eko-pelancongan yang sering menjadi tumpuan pelancong di Daerah Temburong iaitu **Sumbiling Eco Village (Mukim Amo)**, yang terletak di atas tanah seluas lebih kurang 3.8 hektar. Sumbiling Eco Village (SEV) yang diasaskan oleh Awang Leslie Chiang daripada Syarikat Hasa Incentives ini bekerjasama dengan penduduk setempat dalam menjalankan perusahaan pelancongan berasaskan komuniti (*Community Based Tourism*) dengan memberikan tumpuan kepada perkhidmatan eko-pelancongan yang mampan dan berteraskan alam semulajadi, sosial, budaya dan ekonomi. Melalui SEV ini, ianya juga secara tidak langsung telah menyediakan peluang kepada seramai 15 orang penduduk tempatan untuk menjana pendapatan, sambil membawa nilai baru kepada pemuliharaan alam sekitar.

SEV juga menawarkan pelbagai jenis pakej penginapan, aktiviti jejak herba perubatan, jejak hutan (*jungle trekking*) dan menyediakan aktiviti-aktiviti seni kebudayaan seperti lawatan ke rumah panjang tradisional dan mengikuti cara hidup sebenar budaya masyarakat Iban.



Pasaran SEV adalah pelancong domestik dan antarabangsa, dan telah menerima beberapa anugerah dan pengiktirafan antarabangsa seperti 'Hostelworld' dan 'ASEAN Tourism Forum Awards' dalam kategori Anugerah Pelancongan Berasaskan Komuniti ASEAN. Jumlah kedatangan pelancong ke SEV telah mencatatkan peningkatan dari 1,724 pengunjung pada tahun 2018 kepada 2,070 pengunjung pada tahun 2019.

Program lawatan bagi Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara akan diteruskan lagi dengan siri lawatan ketiga iaitu yang terakhir ke tapak-tapak perusahaan pertanian di Daerah Tutong pada hari Khamis, 30 Januari 2020.

/TAMAT.

Dikeluarkan oleh:
Unit Perhubungan Awam
Bahagian Pengurusan dan Kewangan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Tarikh: 27 Januari 2020